

**SOALAN LAZIM**  
**JABATAN PELESENAN**  
**MAJIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**

BIL	SOALAN	JAWAPAN
1.	Bagaimanakah cara untuk memohon lesen perniagaan di dalam kawasan MPAJ	<p>Permohonan lesen perniagaan boleh dibuat melalui 2 cara iaitu:-</p> <p>i) Mengisi 'Borang A' dengan melampirkan dokumen-dokumen yang berkaitan. Borang dan dokumen-dokumen tersebut hendaklah dihantar untuk disemak oleh pegawai yang bertugas di kaunter 10, Aras 4, Menara MPAJ.</p> <p>ATAU</p> <p>ii) Mohon melalui Sistem 'ICOMM' dengan melayari <a href="http://icomm,mpaj.gov.my">icomm,mpaj.gov,my</a> dan pilih menu "permohonan"</p>
2.	Berapa lamakah permohonan lesen akan diproses?	<p>Permohonan lesen diproses mengikut jenis/aktiviti perniagaan seperti berikut:-</p> <p>i) Lesen Serta Merta  * Kelulusan dalam tempoh 30 minit sekiranya dokumen lengkap</p> <p>ii) Lesen 14 hari  * Kelulusan dalam tempoh 14 hari bekerja</p> <p>iii) Lesen Risiko  * Kelulusan tertakluk kepada keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan</p>
3.	Adakah lesen premis boleh dipindah milik?	Pindah Milik Lesen boleh dibuat dengan mengisi Borang 1B. Borang tersebut boleh juga diperolehi di laman web MPAJ.
4.	Bagaimanakah cara untuk memohon Lesen Penjaja, Tapak Penjaja Sementara dan Kompleks Majlis?	Jabatan Pelesenan hanya meluluskan permohonan bagi lesen premis perniagaan sahaja. Bagi permohonan lesen penjaja serta tapak penjaja sementara, sila berhubung dengan Jabatan Kesihatan Alam Sekitar dan Penjaja di talian 03-42857007.
5.	Adakah denda dikenakan sekiranya lesen perniagaan diperbaharui selepas tamat tempoh?	Ya, denda lewat akan dikenakan mengikut tempoh kelewatan. Contoh: Lesen Perniagaan berakhir pada 31 Disember 2017. Sekiranya lesen diperbaharui selepas tarikh tersebut denda lewat sebanyak RM 700.00 akan dikenakan.

